

BERITA MALAYSIA 17/4/2019 p. 31

PANDELELA AKUI TERKILAN TIDAK RAIH EMAS 10M PLATFORM INDIVIDU WANITA

SEPANG 16 April - Atlet terjun negara, Pandelega Rinong mengakui dia terkilang tidak dapat meraih pingat emas menerusi acara kegemarannya 10 meter (m) platform individu wanita dalam Sukan Komanwel di Gold Coast biarpun mengungguli saingan akhir 10m platform seirama bersama pasangannya Cheong Jun Hoong.

Kata Pandelega, saingan di Gold Coast dilihat lebih mencabar berbanding temasya sama sebelum ini, malah dia dan rakan sepasukan lain terpaksa berusaha lebih kuat untuk mendapatkan pingat.

"Saya tidak merasakan prestasi saya menurun hanya disebabkan tidak meraih pingat emas dalam acara individu 10m platform, saingan kali ini amat mencabar kerana pertandingan berlangsung dalam *venue* terbuka yang memerlukan anda menyesuaikan diri dengan angin serta cuaca.

"Rasa gembira tetap ada kerana mampu mendapat pingat

emas dalam acara 10m platform seirama dan pingat emas pertama saya dalam Sukan Komanwel menerusi gandingan bersama Cheong Jun Hoong.

"Selepas ini saya akan menyertai beberapa kejohanan terjun siri dunia namun tidak meletakkan apa-apa sasaran," katanya ketika ditemui pemberita sebaik tiba dari Gold Coast di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2, hari ini.

Pandelega dan Jun Hoong meraih pingat emas acara 10m platform seirama selepas mengumpul skor tertinggi dalam saingan akhir iaitu 328.08 mata.

Dalam aksi 10m platform individu wanita pula, Pandelega di tempat keempat dengan 340.20 mata, kurang 20.20 mata daripada pemenang emas, Melissa Wu dari Australia. Skud terjun negara menamatkan kempen Sukan Komanwel 2018 dengan satu emas dan dua pingat gangsa.



PANDELELA RINONG (kanan) dan Cheong Jun Hoong ketika meraikan kejayaan meraih pingat emas acara terjun 10 meter platform seirama wanita Sukan Komanwel 2018.